

Penahanan Siddiq

Amaran: Jangan ambil kesempatan

ALOR SETAR, Selasa — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memberi amaran penangkapan bekas Setiausaha Politiknya, Siddiq Ghouse hendaklah jangan digunakan oleh mana-mana pihak untuk mencapai tujuan politik atau kepentingan diri sendiri.

"Saya bimbang ada orang yang akan menggunakan peristiwa itu untuk kepentingan dirinya dan dengan berbuat demikian akan menimbulkan perasaan syak wasangka sesama kita hingga kita tidak lagi dapat menjalankan tugas-tugas politik dan parti dengan sempurna," katanya.

Beliau memberi amaran tersebut ketika berucap di majlis berbuka puasa dan Nuzul Quran di rancangan Felda Batu 8 dekat Changloon kira-kira 30 batu dari sini semalam.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Ahli Parlimen Kubang Pasu dan isteri Datin Seri Dr. Siti Hasmah setiap tahun memenuhi undangan pengundi di kawasanya untuk balik berbuka puasa bersama mereka.

Menurut Perdana Menteri, setengah golongan mungkin berpendapat mereka berpeluang menggunakan isu penangkapan Siddiq itu sebagai satu sebab kenapa tindakan yang serupa patut diambil terhadap kawan-kawan yang rapat dengan Siddiq.

Siasatan

Beliau berkata demikian sebagai mengulas laporan akhbar-akhbar tempatan akhir-akhir ini yang mendakwa Kerajaan menjalankan siasatan ke atas rakan-rakan bekas Setiausaha Politik dan Bahagian-bahagian UMNO yang ada kaitan dengan Siddiq.

"Sebenarnya kawan-kawan Siddiq tidak ada kena mengena dengan kegiatannya sebagai seorang agen perisik kerana tidak ada siapa pun yang dipengaruhi oleh Siddiq.

"Ingin saya jelaskan di sini bahawa tidak ada kaitan sama sekali kawan-

Oleh ZAINAL BUJAL

kawan Siddiq dipengaruhi dan kalau ada pun tentu polis akan mengetahuinya," tambahannya.

Perdana Menteri berkata, polis Malaysia merupakan satu pasukan yang cekap menjalankan tugas dan mereka berjaya mengesan kegiatan Siddiq.

Sifat tamak

Katanya, mereka juga berjaya membongkar kegiatan Siddiq, siapa yang ditemuinya dan siapa yang boleh dipengaruhi.

Beliau sekali lagi menegaskan, Siddiq bukanlah seorang yang mempunyai fahaman ko-

munis atau lain-lain fahaman, tetapi semata-mata didorong oleh sifat tamak, kerana ingin mendapat duit secara senang dengan menjual rahsia Kerajaan kepada sebuah negara asing.

Perdana Menteri seterusnya mengingatkan mana-mana pihak yang ingin mencari peluang yang tidak baik itu bahawa perbuatan mereka itu akan hanya membahayakan diri mereka sendiri.

Tegasnya, dengan berbuat demikian mereka sebaliknya akan dituduh cuba menimbulkan keadaan syak wasangka di kalangan orang Melayu, khasnya ahli-ahli UMNO kerana ramal di kalangan ahli-ahli UMNO yang kenal baik dengan Siddiq.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia